

Research Article

Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan

Razila Kasmin^{1*}, Mohd Faiz Baharan², Noraizan Mohsin³, Norliza Kila⁴, and Mashita Abu Hassan⁵

1 Affiliation ²; fazries@yahoo.com.my

2 Affiliation ³; noraizanmohsin@gmail.com

3 Affiliation ⁴; lizakila14@gmail.com

4 Affiliation ⁵; mashitaa@salam.uitm.edu.my

* Correspondence: razilakasmin@yahoo.com

Received: 1st January 2019; Accepted: 10th January 2019; Published: 28th February 2019

Abstrak: Peranan guru berkualiti sememangnya telah terbukti dan memberi impak yang besar terhadap kemenjadian murid. Guru berkualiti adalah individu yang mampu menguasai dan merealisasikan segala bentuk kemahiran dan pengetahuan. Guru Pendidikan Islam perlu bersikap terbuka, proaktif, produktif dan menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemangkin ke arah penghasilan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan kualiti guru Pendidikan Islam melalui aspek penguasaan ilmu, kaedah pengajaran, personaliti diri, motivasi dan persekitaran guru. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik. Seramai 714 orang guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan telah terlibat dalam kajian ini. Setiap data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Data deskriptif kajian telah dianalisis dengan menggunakan peratus dan min, manakala data inferensi dianalisis menggunakan Ujian-t Test, ANOVA sehalu. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan kualiti guru Pendidikan Islam berada pada tahap yang sangat tinggi (min 4.282, SD 0.347). Analisis inferensi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek demografi umur guru yang lebih 45 tahun dengan amalan kualiti guru Pendidikan Islam $F = (3, 6.18)$, $sig = 0.000$, ($p < 0.005$). (min = 4.42). Sehubungan itu, kajian ini menjadi salah satu indikator dalam mewujudkan kualiti guru yang mampan dan jitu khususnya dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan.

Keywords: Kualiti Guru; Guru Pendidikan Islam

About the Authors

Razila binti Kasmin adalah seorang guru KPM yang telah berkhidmat lebih 24 tahun dalam bidang Pendidikan Islam. Mempunyai pengalaman yang luas berkaitan bidang kajian dan bidang Kejurulatihan Dakwah. Beliau dan rakannya adalah penerima HLP (2016-2018) menyambung pengajian peringkat MA di Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam Beliau dan rakannya juga adalah merupakan Jurulatih Kokurikulum Pendidikan

Public Interest Statement

Guru yang mempunyai kualiti yang baik diperkuatkan dengan motivasi yang tinggi adalah menjadi harapan negara menghasilkan generasi ilmuwan. Tumpuan tahap kualiti guru Pendidikan Islam melalui lima faktor iaitu faktor penguasaan ilmu, kaedah pengajaran, personaliti, motivasi diri dan persekitaran guru. Sehubungan itu, GPI hendaklah memandang serius budaya kecekapan atau kemahiran bertahap tinggi ini.

Islam negeri Selangor dan Kebangsaan.

Hal ini kerana budaya profesionalisme ini mampu menangani tekanan dan menstabilkan emosi guru serta menghargai diri sendiri melalui kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka. Oleh itu, dalam usaha menjadi guru berkualiti dengan pelbagai cabaran pendidikan, para guru harus bijak menilai keistimewaan diri, di samping sentiasa berusaha menjadi guru berjiwa rabbani.

1. Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, pada Mei 2013. PPPM dirangka untuk meningkatkan kualiti modal insan dengan meletakkan sistem pendidikan pada tahap yang lebih tinggi serta lebih efektif dan efisien (Muhyiddin Yassin, 2013). Sehubungan itu, semua pihak perlu berusaha memastikan kecemerlangan pengurusan kepimpinan terhadap guru dilaksanakan secara berterusan supaya kecemerlangan sesebuah sekolah dapat dipertingkatkan dengan adanya modal insan yang berjaya. Kejayaan modal insan itu pastinya bermula di peringkat sekolah (Muhyiddin, 2013, Fullan, 2011, Najib Razak, 2010, Parise & Spillane, 2010, Harris, 2005;) dalam (Man, Don, & Ismail, 2016)

Bagi mempertingkatkan kualiti guru Pendidikan Islam selaras dengan matlamat FPI, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai karektor dan personaliti sebagai seorang murabbi, ianya amat sukar dibudayakan oleh guru Pendidikan Islam kerana berbeza latar belakang pendidikan awal yang mereka diterima (Abdullah Md. Din 2011). Oleh itu, kajian-kajian bagi membangunkan dan mempertingkatkan profesion guru Pendidikan Islam perlu dibuat secara berterusan dan direalisasikan oleh semua guru.

Dalam konteks Pendidikan Islam, guru bukan sekadar mengajar dan menyampaikan ilmu kepada murid bahkan berperanan melahirkan hamba dan khalifah Allah yang mempunyai perkembangan seimbang berakhlak mulia dan bertanggungjawab (Mustafa, 2002: Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2012). Kualiti adalah elemen yang sangat penting untuk menjadi cemerlang. Tidak ada erti pendidikan tanpa seorang guru. Justeru untuk menjadi seorang Guru Pendidikan Islam yang berkualiti mereka perlu menjadi cemerlang dari sudut intelek dan sahsiah diri (Rafizah Mohd Salleh, 2011). Peranan guru sebagai tonggak utama mendukung aspirasi negara bagi melahirkan insan yang berkualiti dan berakhlak mulia menuntut guru agar sentiasa cakna terhadap perkembangan murid semasa melaksanakan proses pengajaran. Guru Pendidikan Islam juga digelar sebagai daie, oleh itu perlulah mempunyai pengetahuan mendalam terhadap murid mereka (Ab. Halim, 2012).

2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk;

1. Mengetahui tahap amalan kualiti guru Pendidikan Islam SK di Selangor.
2. Mengetahui perbezaan tahap kualiti berdasarkan jantina, umur, kategori sekolah dan pengalaman mengajar.

3. Persoalan Kajian

Manakala kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut iaitu;

1. Apakah tahap kualiti guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Selangor?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina guru Sekolah Kebangsaan di Selangor?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti guru Pendidikan Islam berdasarkan umur guru Sekolah Kebangsaan di Selangor?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti guru Pendidikan Islam berdasarkan kategori Sekolah Kebangsaan di Selangor?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar Sekolah Kebangsaan di Selangor?

4. Kajian Literatur

Peranan kualiti guru sememangnya telah terbukti dan memberi impak yang besar terhadap kemenjadian murid. Hasil karya oleh Barber dan Mourshed (2007) dalam bukunya *'How the World's Best Performing Systems Come Out on Top'* menjelaskan bahawa 'Kualiti sistem Pendidikan sekolah tidak boleh melebihi kualiti gurunya'. Bermakna walau sebaik mana pun sistem pendidikan itu dibangunkan, ia tidak akan memberi sebarang kesan jika aspek komitmen dan kompetensi kualiti guru tidak dibangunkan terlebih dahulu, (Anjakan Bil. 5/2015 PPPM 2013-2025). Halstead (1995) dalam kajian oleh Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) menyatakan bahawa guru sangat dipandang mulia bukan sahaja kerana ilmu yang dimiliki, bahkan disanjung kerana guru mempunyai keperibadian yang baik dan komited terhadap agamanya menyebabkan murid boleh mengikut kata guru tanpa rasa ragu. Tugas menyampaikan ilmu adalah satu amanah daripada Allah s.w.t. Ia merupakan satu tanggungjawab besar dalam membina perkembangan dan peradaban manusia (Ahmad Mohd Salleh, 1997).

Beberapa hadis nabi s.a.w telah mengungkapkan konsep kualiti dengan pelbagai makna seperti al-itqan dan al-ihsan (Ibn Sa'd, 1986; Ibn 'Adi, 1984; Abu Nu'aim, 1998; al-Baihaqi, 2003). Sabda Rasulullah s.a.w, maksudnya: *"Sesiapa yang mengasaskan jalan yang baik dalam Islam, maka diamalkan oleh orang lain, dicatatkan baginya pahala sebagaimana pahala orang yang mengamalkannya dengan tidak mengurangkan sedikit pun pahalanya. Dan sesiapa yang mengasaskan jalan tidak baik dalam Islam, maka diamalkan oleh orang lain, maka dicatatkan baginya dosa sebagaimana dosa orang yang melalukan dengan tidak dikurangkan sedikit pun dosanya. "Hadis riwayat Muslim*

Abdullah Basmeh (2010) menjelaskan faktor utama seorang Muslim perlu melakukan sesuatu pekerjaan dengan berkualiti juga telah dirakamkan di dalam al-Quran:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramal lah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

(Surah al-Taubah 9:105)

Berdasarkan ayat al-Quran dan Hadis di atas, setiap guru perlu bersungguh-sungguh dan bermotivasi dalam menjalankan amanah dan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Ilmuwan Islam banyak membincangkan istilah guru atau pendidik merujuk kepada peranan dan

penglibatan guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kepada muridnya. Istilah guru sebagai *muallim*, *mudarris*, *muaddib*, *mursyid* dan *murabbi* (Zawawi Hj. Ahmad (1984), al-Shaybani (1979), Ahmad Mohd Salleh (1997), Bahagian Pendidikan Guru (2000), Ab. Halim Tamuri et. al (2004), dan guru sebagai *dai'e* atau *pendakwah* (Wan Bakar Wan Dagang, 1991). Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2010) dalam kajian Habibah@Hartini Ramlie & Zaharah Hussin (2014) merumuskan maksud *mudarris* sebagai pengajar, *muallim* sebagai pendidik, *muaddib* sebagai pembentuk adab, *murabbi* sebagai pemelihara dan *mursyid* sebagai pemberi petunjuk

Tanggungjawab GPI bukan hanya memberi kesedaran untuk diri sendiri bahkan kepada masyarakat tentang hubungan makhluk dengan penciptanya. Kajian yang dibuat oleh Jasmi & Tamuri (2007), mengenai peranan guru berdasarkan konsep 5M amatlah tepat dalam merealisasikan matlamat serta tujuan pendidikan Islam itu sendiri. Jaafar & Rashed (2015) menyatakan guru merupakan ejen perubahan yang pertama dalam masyarakat yang berperanan mengajar, mendidik dan membimbing murid berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam yang telah disusun dengan mengamalkan konsep 5M. Dalam usaha mencapai hasrat negara, GPI perlu menguasai ilmu dengan mendalam terutama bagi mata pelajaran yang diajar di sekolah dan mengetahui kaedah pengajaran Ibadat, Akidah, Akhlak, Tilawah al-Quran dan al-Hadis. Di samping itu, guru juga mesti mempunyai ilmu-ilmu tambahan dalam menggunakan teknologi terkini sebagai kaedah dan teknik pengajaran-pembelajaran. Penguasaan ilmu-ilmu tambahan adalah penting kerana GPI hari ini berhadapan dengan murid-murid yang berada pada zaman teknologi. Justeru, semua guru sewajarnya menjadikan diri mereka sebagai *role model* yang mesti diikuti oleh anak didiknya, (Musnizam et al., 2010).

Malah menurut Al-Abrasyi (1974), Al-Nahlawy (1983), seorang pendidik sentiasa perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya serta menguasai ilmu lain. Menurutny lagi, pendidik perlu memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati dan dipercayai oleh pelajaranya. Kajian oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) menyatakan apabila ilmu Pendidikan Islam dapat disampaikan dengan berkesan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kita akan dapat melihat keberkesannya dengan kejayaan pembentukan modal insan dapat dihasilkan dengan sempurna Oleh itu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang kreatif, strategi yang menarik dan berkesan perlu diaplikasikan oleh GPI untuk mencapai objektif pengajaran, sesuai dengan perkembangan semasa.

Seterusnya, menurut Rosni (2010) bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dihasilkan secara optimum, seseorang guru perlu membuat refleksi sendiri ke atas pengajarannya terhadap pelajar. Amalan refleksi sendiri ini membolehkan seseorang guru menilai keberkesanan dirinya sebagai seorang guru (Musnizam et al. 2010)

Menurut Kamarul Azmi Jasmi et al. (2009) dalam Habibah@Hartini Ramlie & Zaharah Hussin (2014) menegaskan bahawa GPI perlu menunjukkan contoh tauladan, mempamerkan kejujuran, menjauhi yang haram, tawaduk, mesra serta penyayang, mencetuskan motivasi dan memberi bimbingan, bersikap adil kepada semua, tidak mudah menghukum dan mendenda pelajar dan selalu bersedia menghulurkan bantuan kepada mereka.

Kesimpulannya, guru berkualiti merupakan aset yang sangat bernilai bagi merealisasikan pengajaran yang berkualiti. GPI bukan hanya berperanan sebagai penyampai ilmu semata-mata bahkan bertanggungjawab memberi kefahaman serta memupuk keperibadian yang tinggi berdasarkan pendidikan yang diberi. Justeru, GPI perlulah mempunyai personaliti yang tinggi sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w yang bukan sahaja sebagai nabi dan rasul malah bertindak sebagai seorang *dai'e* terhadap umat manusia keseluruhannya.

5. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau Amalan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Selangor. Babie (2002) menjelaskan, penyelidikan kuantitatif merupakan satu proses penukaran data kepada format numerical yang melibatkan penukaran data sains sosial ke dalam borang yang boleh dibaca dan dimanipulasi oleh komputer. Pengkaji telah memilih reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey). Kaedah tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik bagi menjawab soalan kajian oleh responden. Kaedah tinjauan didapati sesuai kerana tinjauan yang hendak dilakukan hanya mengenai sikap responden terhadap tajuk persoalan yang dikemukakan. Selain itu, ia hanya melibatkan usaha pengumpulan data dan maklumat daripada responden yang terlibat sahaja.

5. Sampel Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah pensampelan probability, kerana kaedah pensampelan ini sesuai membentuk generalisasi yang mewakili populasi yang besar. Manakala prosedur pensampelan pada tahap awal menggunakan kaedah rawak mudah, kemudiannya memilih secara rawak berdasarkan peratusan yang dikehendaki, (Hussain, 2016). Pemilihan teknik pensampelan rawak mudah mengikut daerah dilihat dapat mewakili ciri-ciri spesifik populasi di seluruh sekolah di negeri Selangor. Kaedah ini dapat mengelakkan unsur prejudis atau berat sebelah kerana memberi peluang sama rata kepada semua guru yang dipilih sebagai populasi kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah ke atas 714 orang responden bagi mewakili keseluruhan guru Pendidikan Islam di Selangor. Menurut Roscoe (1975) dan Gay, L.R (1992) dalam penyelidikan deskriptif, minimum sampel ialah 10 peratus daripada jumlah populasi. Kelebihan yang diperoleh daripada rawak mudah adalah jika sampel besar maka sampel tersebut akan mewakili populasi (Norain Idris, 2010).

6. Dapatan Kajian

Seramai 714 sampel kajian dipilih secara rawak dalam kajian ini. Kesemua responden adalah guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di beberapa sekolah Kebangsaan di Selangor. Latar belakang dibezakan mengikut Jantina, Umur, Kategori Sekolah, dan Pengalaman Mengajar.

Jadual 1. Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Jantina

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	139	19.5
	Perempuan	579	80.5

Jadual di atas, menunjukkan seramai 139 orang peserta kajian adalah guru lelaki. Jumlah tersebut mewakili 19.5% peratus daripada keseluruhan jumlah peserta kajian. Manakala, responden dari kalangan guru perempuan pula adalah 80.5%, iaitu seramai 575 orang secara keseluruhannya.

Jadual 2. Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Umur

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Umur	Kurang 25 Tahun	15	2.1
	25 – 35 Tahun	272	38.1
	36 – 45 Tahun	333	46.6
	Lebih 45 Tahun	94	13.2

Manakala jadual 2 pula menunjukkan dari segi umur pula, didapati sebanyak 46.6% (333) orang guru berada dalam kumpulan 36-45 tahun merupakan bilangan yang paling ramai menjadi responden, manakala 38.1% (272) orang guru berada dalam kumpulan 25-36 tahun merupakan kumpulan kedua ramai menjadi responden dan selebihnya 13.2% (94) orang guru dari kumpulan lebih 45 tahun dan akhir sekali 2.1% (15) guru yang berada dalam kumpulan kurang 25 tahun yang menjadi responden kajian.

Jadual 3. Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Sekolah

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Umur	Kurang 25 Tahun	15	2.1
	25 – 35 Tahun	272	38.1
	36 – 45 Tahun	333	46.6
	Lebih 45 Tahun	94	13.2

Jadual 3 pula menunjukkan dari segi kategori sekolah pula, didapati responden yang paling ramai adalah guru dari kategori luar bandar yang mendominasi 55.0% (393) buah sekolah, diikuti dengan guru dari kategori bandar sebanyak 45.0% (321) buah sekolah sahaja.

Jadual 4. Demografi Peserta Kajian Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Pengalaman Mengajar	1 – 10 Tahun	382	53.5
	11 – 20 Tahun	233	32.6
	21 – 30 Tahun	99	13.9

Jadual 4 pula menunjukkan dari segi pengalaman mengajar didapati sebanyak 53.5% (382) orang guru berada dalam kumpulan 1-10 tahun merupakan bilangan yang paling ramai menjadi responden, manakala 32.6% (233) orang guru berada dalam kumpulan 21-30 tahun merupakan kumpulan kedua ramai menjadi responden dan selebihnya 13.9% (99) orang guru dari kumpulan 11-20 tahun guru yang menjadi responden kajian Kajian ini telah menggunakan interpretasi nilai skor min yang telah diubah suai daripada Tschannen Moran dan Gareis (2004). Interpretasi nilai skor min bagi kedua-dua pemboleh ubah ini adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 5. Interpretasi Nilai Pekali Min Skala Lima Likert mengikut Lima Tahap

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

¹Sumber: Tschannen Moran, M. & Gareis, C.R. (2004)

Jadual 4 pula menunjukkan dari segi pengalaman mengajar didapati sebanyak 53.5% (382) orang guru berada dalam kumpulan 1-10 tahun merupakan bilangan yang paling ramai menjadi responden, manakala 32.6% (233) orang guru berada dalam kumpulan 21-30 tahun merupakan kumpulan kedua ramai menjadi responden dan selebihnya 13.9% (99) orang guru dari kumpulan 11-20 tahun guru yang menjadi responden kajian Kajian ini telah menggunakan interpretasi nilai skor min yang telah diubah

suai daripada Tschannen Moran dan Gareis (2004). Interpretasi nilai skor min bagi kedua-dua pemboleh ubah ini adalah seperti jadual di bawah.

6.1. *Dapatan: Tahap Amalan kualiti guru Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Selangor*

Jadual 6. Analisis Deskriptif Tahap Amalan Kualiti guru Pendidikan Islam

Faktor	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kualiti GPI	4.282	0.347	Sangat Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisis deskriptif tahap kualiti guru Pendidikan Islam. Tahap kualiti guru Pendidikan Islam secara keseluruhannya berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min 4.282 dan sisihan piawai 0.347. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa kualiti guru telah menjadi amalan dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam di Selangor. Manakala, nilai min antara faktor-faktor dalam kualiti guru juga menunjukkan nilai min yang tinggi dan sangat tinggi seperti jadual di bawah.

6.2. *Dapatan: Analisis mengikut faktor-faktor kualiti guru*

6.2.1. Faktor Penguasaan Ilmu

Jadual 7 Analisis Deskriptif Antara Faktor Kualiti Guru (Penguasaan Ilmu)

Faktor	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Penguasaan Ilmu	4.317	0.383	Sangat Tinggi

Jadual 7 menunjukkan analisis deskriptif antara faktor kualiti guru (penguasaan ilmu) dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min 4.317 dan sisihan piawai 0.383. Hal ini jelas membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam telah menyedari akan kepentingan ilmu, berusaha menambah ilmu dan mengamalkannya. Antara yang menjadi keutamaan adalah amalan membaca dalam kalangan GPI.

Jadual 8 Taburan Responden mengikut Faktor Penguasaan Ilmu

No. Item	Pernyataan	SKALA					Min	SD	Interpretasi
		1 STS	2 TS	3 AS	4 S	5 SS			
B2	Membaca buku rujukan agama sekurang-kurang sekali seminggu	1.0 (7)	2.8 (20)	14.6 (104)	55.6 (397)	26.1 (186)	4.03	.799	Tinggi
B3	Membaca Al-Quran sekurang-kurangnya 2 muka surat secara konsisten		1.0 (7)	9.4 (67)	42.7 (305)	46.9 (335)	4.36	.690	Sangat Tinggi
B4	Membaca tafsir Al-Quran sekali seminggu	.4 (3)	5.7 (41)	23.8 (170)	50.4 (360)	19.6 (140)	3.83	.821	Tinggi
B5	Membaca buku atau majalah	.1 (1)	3.2 (23)	17.8 (127)	56.3 (402)	22.5 (161)	3.98	.738	Tinggi

	ilmiah sekurang-kurang sekali seminggu Mengamalkan ilmu komunikasi yang berkesan untuk menjalinkan hubungan baik dengan murid	3.1 (22)	51.0 (364)	45.9 (328)	4.43	.554	Sangat Tinggi
--	---	-------------	---------------	---------------	------	------	---------------

Jadual 8 di atas menunjukkan faktor penguasaan ilmu guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan daripada 5 item soal selidik yang dikemukakan dalam bahagian ini, didapati item B15 dan B3 berada pada tahap sangat tinggi. Manakala, bagi item B2, B4 dan B5 berada pada tahap tinggi. Hasil analisis mendapati sebanyak 96.9 peratus atau 692 orang dengan nilai min 4.43, $sd=.554$) sangat setuju dan setuju terhadap item B15 iaitu mengamalkan ilmu komunikasi yang berkesan untuk menjalinkan hubungan baik dengan murid, dan hanya 3.1 peratus atau 22 orang untuk skala yang agak setuju.

6.2.2. Faktor Kaedah Pengajaran

Jadual 9 Analisis Deskriptif Antara Faktor Kualiti Guru (Kaedah Pengajaran)

Faktor	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kaedah Pengajaran	4.266	0.367	Sangat Tinggi

Jadual 9 menunjukkan analisis deskriptif antara faktor kualiti guru (kaedah pengajaran) dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Faktor kaedah pengajaran ini berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min 4.266 dan sisihan piawai 0.367. Hal ini jelas membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam dalam kajian ini telah menguasai kaedah dan teknik pengajaran, membuat penilaian sendiri serta bijak memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan isi kandungan dan tahap kemampuan murid.

Jadual 10 Taburan Responden mengikut Faktor Kaedah Pengajaran

No. Item	Pernyataan	SKALA					Min	SD	Interpretasi
		1 STS	2 TS	3 AS	4 S	5 SS			
C8	Mempunyai pengetahuan untuk melaksanakan pengajaran berkesan			3.8 (27)	59.8 (427)	36.4 (260)	4.33	.544	Sangat Tinggi
C9	Menguasai kemahiran untuk melaksanakan pengajaran berkesan		.1 (1)	4.9 (35)	63.7 (455)	31.2 (223)	4.29	.547	Sangat Tinggi
C10	Menyempurnakan pengajaran dengan penuh komitmen			3.2 (23)	54.3 (388)	42.4 (303)	4.39	.551	Sangat Tinggi
C11	Sentiasa bertenaga			3.8	58.1	38.1	4.34	.549	Sangat

	dalam menjalankan pengajaran		(27)	(415)	(272)				Tinggi
C12	Seorang yang mesra atau mudah didekati		3.6 (26)	48.3 (345)	48.0 (343)	4.45	.566		Sangat Tinggi
C13	Memberikan layanan secara saksama kepada semua murid		2.0 (14)	49.4 (353)	48.6 (347)	4.47	.537		Sangat Tinggi
C14	Menyesuaikan strategi pengajaran dengan kebolehan /tahap murid		2.7 (19)	58.7 (419)	38.0 (271)	4.36	.533		Sangat Tinggi
C15	Mempunyai sifat keprihatinan dalam menyelesaikan masalah murid		5.2 (37)	56.9 (406)	38.0 (271)	4.33	.570		Sangat Tinggi
C16	Sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi kesejahteraan murid	.1 (1)	9.1 (65)	60.5 (432)	30.3 (216)	4.21	.597		Sangat Tinggi
C18	Berusaha mewujudkan suasana pengajaran dalam kelas yang menyeronokkan		5.0 (36)	58.8 (420)	36.1 (258)	4.31	.562		Sangat Tinggi
C19	Mengamalkan sikap kepimpinan dalam bilik darjah supaya disiplin murid dapat dibentuk		3.2 (23)	54.3 (388)	42.4 (303)	4.39	.551		Sangat Tinggi
C20	Menggembeng kekuatan dengan rakan bersama untuk mencapai objektif pengajaran		6.4 (46)	61.3 (438)	32.2 (230)	4.26	.566		Sangat Tinggi
C22	Memberi motivasi untuk merangsang murid berfikir dalam pengajaran		4.2 (30)	54.5 (389)	41.3 (295)	4.37	.564		Sangat Tinggi
C23	Membuat refleksi sendiri untuk menilai keberkesanan diri sebagai guru berkualiti	.3 (2)	6.7 (48)	62.0 (448)	31.0 (221)	4.24	.577		Sangat Tinggi
C24	Membuat muhasabah pengajaran menurut	.3 (2)	6.3 (45)	60.4 (431)	33.1 (236)	4.28	.580		Sangat Tinggi

perspektif Islam
 untuk menilai
 keberkesanan kerja
 yang diamanahkan

Jadual 10 di atas menunjukkan ciri-ciri kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item memperoleh bacaan nilai min yang sangat tinggi. Daripada 15 item soal selidik yang dikemukakan untuk bahagian C ini didapati hanya 4 item sahaja memperoleh skala tidak setuju. Namun, peratusannya adalah pada tahap minimum masing-masing dengan 0.1 peratus dan 0.3 peratus. Kesimpulannya, guru Pendidikan Islam di Selangor menunjukkan sikap positif terhadap faktor kaedah pengajaran ini dengan memperoleh 95.0 peratus atau 680 orang responden bagi skala setuju dan sangat setuju terhadap soal selidik yang dikemukakan. Manakala, 5.0 peratus atau 34 orang responden berada pada skala agak setuju dan tidak setuju.

6.2.3. Faktor Personaliti Guru

Jadual 11 Analisis Deskriptif Antara Faktor Kualiti Guru (Personaliti)

Faktor	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Personaliti	4.476	0.387	Sangat Tinggi

Jadual 11 menunjukkan analisis deskriptif antara faktor kualiti guru (personaliti) dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Faktor personaliti ini berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min 4.476 dan sisihan piawai 0.387. Ini jelas membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam telah mempunyai personaliti diri yang baik dan memahami kehendak profesionalisme keguruan. Besar kemungkinan mereka mengaplikasikan sifat dalaman diri seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan takwa. Ia juga merangkumi sifat luaran diri guru seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal, cergas, aktif, sihat serta dedikasi terhadap tugas mereka.

Jadual 12 Taburan Responden mengikut Faktor Personaliti Guru

No. Item	Pernyataan	SKALA					Min	SD	Interpretasi
		1 STS	2 TS	3 AS	4 S	5 SS			
D1	Personaliti guru memberi impak yang besar kepada murid		.1 (1)	1.5 (11)	34.9 (249)	63.4 (453)	4.62	.525	Sangat Tinggi
D2	Guru adalah pemimpin yang perlu menjadi role model kepada murid		.1 (1)	.8 (6)	26.5 (189)	72.5 (518)	4.71	.479	Sangat Tinggi
D3	Personaliti positif guru akan melahirkan murid yang berfikiran positif		.1 (1)	1.3 (9)	35.0 (250)	63.6 (454)	4.62	.519	Sangat Tinggi
D4	Menyedari kekuatan dan kelemahan diri		.1 (1)	3.2 (23)	47.8 (341)	48.9 (349)	4.45	.567	Sangat Tinggi
D5	Muhasabah diri		.1	2.1	44.5	53.2	4.51	.548	Sangat

	untuk	(1)	(15)	(318)	(380)			Tinggi
	penambahbaikan							
D6	Mampu mengawal emosi ketika menghadapi masalah	.6 (4)	5.3 (38)	55.6 (397)	38.5 (275)	4.32	.599	Sangat Tinggi
D7	Setiap pekerjaan itu dikira ibadah dengan niat yang ikhlas	.1 (1)	1.0 (7)	27.3 (195)	71.6 (511)	4.70	.487	Sangat Tinggi
D8	Menegur murid secara hikmah (tidak mengugut, menyindir, berleter)	.8 (6)	8.3 (59)	50.4 (360)	40.5 (289)	4.31	.655	Sangat Tinggi
D9	Mempamerkan kekemasan diri	.1 (1)	1.0 (7)	41.3 (295)	57.6 (411)	4.56	.524	Sangat Tinggi
D10	Mengamalkan cara berpakaian yang patuh syariah		.8 (6)	27.6 (197)	71.6 (511)	4.71	.473	Sangat Tinggi
D11	Sentiasa bermotivasi ketika bertemu dengan murid	.1 (1)	2.7 (19)	46.2 (330)	51.0 (364)	4.48	.558	Sangat Tinggi
D12	Mempamerkan perwatakan ceria		2.2 (16)	49.3 (352)	48.5 (346)	4.46	.542	Sangat Tinggi
D13	Menjaga kesantunan bahasa dalam berkomunikasi		2.5 (18)	47.6 (340)	49.9 (356)	4.47	.548	Sangat Tinggi
D14	Menunjukkan perlakuan beradab		1.5 (11)	38.4 (274)	60.1 (429)	4.59	.523	Sangat Tinggi
D15	Menunjukkan kepimpinan yang boleh teladani		1.7 (12)	42.0 (300)	56.3 (402)	4.55	.531	Sangat Tinggi
D16	Menonjolkan imej diri yang boleh dicontohi	.1 (1)	2.0 (14)	40.9 (292)	57.0 (407)	4.55	.544	Sangat Tinggi
D17	Mengamalkan rekreasi atau bersukan	1.1 (8)	13.3 (95)	58.1 (415)	27.5 (196)	4.12	.662	Sangat Tinggi
D19	Menunjukkan kepimpinan yang mesra pelajar	.1 (1)	2.2 (16)	55.2 (394)	42.4 (303)	4.40	.542	Sangat Tinggi
D20	Menunjukkan sikap tegas		2.9 (21)	52.1 (372)	45.0 (321)	4.42	.550	Sangat Tinggi
D21	Mencetuskan semangat pelajar untuk maju		1.5 (11)	52.2 (373)	46.2 (330)	4.45	.528	Sangat Tinggi
D22	Mengaitkan tanggungjawab murid sebagai khalifatullah		2.1 (15)	51.5 (368)	46.4 (331)	4.44	.538	Sangat Tinggi

D23	Menjadikan diri contoh teladan kepada warga sekolah	3.5 (25)	53.1 (379)	43.1 (310)	4.40	.557	Sangat Tinggi	
D24	Membuat hubungan baik dengan warga sekolah	.6 (4)	44.1 (315)	55.3 (395)	4.55	.509	Sangat Tinggi	
D25	Memberi sumbangan dalam aktiviti kokurikulum	.3 (2)	3.1 (22)	51.0 (364)	45.7 (326)	4.42	.568	Sangat Tinggi

Jadual 12 di atas menunjukkan ciri-ciri personaliti guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan kesemua item memperoleh bacaan nilai min yang sangat tinggi kecuali bagi item D17 yang memperoleh nilai min 4.12 berada pada tahap tinggi sahaja. Item D17 iaitu mengamalkan rekreasi atau bersukan, kajian mendapati 103 orang daripada 714 orang responden berada pada skala tidak setuju dan agak setuju. Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan ini ialah, guru Pendidikan Islam di Selangor menunjukkan sikap positif terhadap faktor personaliti ini dengan memperoleh 96.8 peratus atau 693 orang responden bagi skala setuju dan sangat setuju terhadap soal selidik yang dikemukakan. Manakala, 3.2 peratus atau 21 orang responden berada pada skala agak setuju dan tidak setuju.

6.2.4. Faktor Motivasi Diri

Jadual 13 Analisis Deskriptif Antara Faktor Kualiti Guru (Motivasi Diri)

Faktor	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Motivasi Diri	4.321	0.407	Sangat Tinggi

Jadual 13 menunjukkan analisis deskriptif antara faktor kualiti guru (motivasi diri) dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Faktor motivasi diri ini berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min 4.321 dan sisihan piawai 0.407. Ini jelas membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam telah membudayakan memberi rangsangan kepada murid, meraikan setiap pendapat dan pandangan daripada murid, sentiasa memberi motivasi serta membuka ruang agar semua pelajar terlibat secara aktif dalam pengajaran, berdedikasi dan bersungguh-sungguh dalam setiap tindakan serta komited terhadap tugas.

Jadual 14 Taburan Responden mengikut Faktor Motivasi Diri

No. item	Penyataan	SKALA					Min	SD	Interpretasi
		1 STS	2 TS	3 AS	4 S	5 SS			
E1	Sangat bermotivasi dalam kerjaya sebagai guru			2.5 (18)	52.2 (373)	45.2 (323)	4.43	.544	Sangat Tinggi
E2	Yakin tahap motivasi guru akan mempengaruhi mutu pengajaran			1.7 (12)	50.8 (363)	47.5 (339)	4.46	.531	Sangat Tinggi
E3	Percaya guru yang positif dapat membantu kecemerlangan murid			1.5 (11)	41.9 (299)	56.6 (404)	4.55	.528	Sangat Tinggi
E4	Merasakan komitmen			1.1	44.0	54.9	4.54	.521	Sangat

	guru dapat membantu kecemerlangan murid			(8)	(314)	(392)				Tinggi
E5	Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berakauntabiliti			1.4 (10)	45.5 (324)	53.2 (380)	4.52	.527		Sangat Tinggi
E6	Menerapkan nilai Islam dalam melaksanakan tugas			.4 (3)	37.3 (266)	62.3 (445)	4.62	.495		Sangat Tinggi
E7	Berusaha membina cabaran untuk meningkatkan motivasi dalam kerjaya			2.7 (19)	51.8 (370)	45.5 (325)	4.43	.546		Sangat Tinggi
E8	Menjalankan tugas dengan dedikasi			1.4 (10)	52.5 (375)	46.1 (329)	4.45	.525		Sangat Tinggi
E9	Memberikan sumbangan dengan rela hati			2.7 (19)	51.7 (369)	45.7 (326)	4.43	.547		Sangat Tinggi
E11	Mencari peluang meningkatkan kecekapan diri			2.9 (21)	55.2 (394)	41.9 (299)	4.39	.545		Sangat Tinggi
E12	Mencari peluang meningkatkan motivasi diri			3.5 (25)	52.0 (371)	44.5 (318)	4.41	.559		Sangat Tinggi
E13	Melibatkan diri dalam aktiviti keilmuan secara aktif	.3 (1)		7.8 (56)	58.3 (416)	33.6 (240)	4.25	.602		Sangat Tinggi
E15	Berusaha membina keyakinan dalam diri murid			2.0 (14)	53.5 (382)	44.5 (318)	4.43	.533		Sangat Tinggi
E17	Melibatkan diri secara aktif dengan badan-badan dakwah	.1 (1)	2.0 (14)	21.0 (150)	54.9 (392)	22.0 (157)	3.97	.722		Tinggi
E18	Mengajar/berceramah dalam program keagamaan di luar sekolah anjuran masyarakat	2.4 (17)	9.7 (69)	29.7 (212)	39.9 (285)	18.3 (131)	3.62	.969		Tinggi
E19	Menghadiri majlis ilmu seminggu sekali (usrah, kuliah, ceramah)		5.0 (36)	23.2 (166)	49.7 (355)	22.0 (157)	3.89	.801		Tinggi
E20	Mampu untuk menjadi rujukan dalam bidang agama kepada masyarakat	.1 (1)	2.2 (16)	24.5 (175)	53.5 (382)	19.6 (140)	3.90	.731		Tinggi

Jadual 14 di atas menunjukkan ciri-ciri motivasi guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan 13 item memperoleh bacaan nilai min yang sangat tinggi, manakala 4 item menunjukkan

nilai pada tahap tinggi sahaja. 5 item menunjukkan responden berada pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap item soal selidik yang dikemukakan dengan peratus antara 0.1 hingga 9.7 atau 1 orang responden hingga 67 orang responden. Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan kajian ini ialah, guru Pendidikan Islam di Selangor menunjukkan sikap yang positif terhadap faktor motivasi diri.

6.2.5. Faktor Persekitaran Guru

Jadual 15 Analisis Deskriptif Antara Faktor Kualiti Guru (Persekitaran Guru)

Faktor	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Persekitaran Guru	4.028	0.450	Tinggi

Jadual 15 menunjukkan analisis deskriptif antara faktor kualiti guru (persekitaran guru) dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Faktor persekitaran guru ini berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.028 dan sisihan piawai 0.450. Ini membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam masih dalam usaha membudayakan profesionalisme cemerlang dengan kemahiran dalam persekitaran sosial seperti kemahiran mengurus, berkomunikasi, penulisan, merawat dan kesenian.

Jadual 16: Taburan Responden mengikut Faktor Persekitaran guru

No. item	Pernyataan	SKALA					Min	SD	Interpretasi
		1 STS	2 TS	3 AS	4 S	5 SS			
F2	Sentiasa membudayakan harapan yang tinggi dalam diri untuk bekerja kerana Allah			2.1 (15)	45.1 (322)	52.8 (377)	4.51	.541	Sangat Tinggi
F3	Sentiasa membudayakan harapan yang tinggi kepada murid untuk berjaya dalam hidup			2.1 (15)	51.3 (366)	46.6 (333)	4.45	.538	Sangat Tinggi
F4	Mencipta persekitaran yang positif dalam kerjaya			2.4 (17)	56.7 (405)	40.9 (292)	4.39	.534	Sangat Tinggi
F5	Memiliki kecekapan standard bertahap tinggi (pengurusan, komunikasi, seni)		.3 (2)	11.5 (82)	65.7 (469)	22.5 (161)	4.11	.584	Tinggi
F6	Mengamalkan 3 pengurusan fail secara bersistematik	.1 (1)	1.0 (7)	20.9 (149)	58.1 (415)	19.9 (142)	3.97	.677	Tinggi
F8	Menyusun dengan kemas fail umum (surat menyurat)		1.4 (10)	17.9 (128)	58.7 (419)	22.0 (157)	4.01	.675	Tinggi
F10	Berusaha mencabar diri dalam pengucapan awam untuk membantu majlis penting di sekolah	.3 (2)	2.0 (14)	20.3 (145)	54.5 (389)	23.0 (164)	3.98	.733	Tinggi

F11	Berupaya menjadi pengacara majlis di sekolah	.4 (3)	4.9 (35)	29.0 (207)	45.8 (327)	19.9 (142)	3.80	.826	Tinggi
F12	Mampu mengendalikan protokol majlis di sekolah	.6 (4)	3.5 (25)	29.6 (211)	47.8 (341)	18.6 (133)	3.80	.797	Tinggi
F14	Mengamalkan budaya profesionalisme yang cemerlang dalam mengatasi tahap burn out di sekolah		.7 (5)	11.3 (81)	63.7 (455)	24.2 (173)	4.11	.609	Tinggi
F15	Mengisi masa lapang dengan mempelajari seni suara (tarannum, bernasyid, berqasidah)	.7 (5)	7.7 (55)	34.5 (246)	41.5 (296)	15.7 (112)	3.64	.861	Tinggi
F16	Mengisi masa lapang dengan bakat seni menulis (buku rujukan, buku aktiviti, cerpen, novel, sajak)	1.4 (10)	11.3 (81)	37.8 (270)	37.3 (266)	12.2 (87)	3.47	.897	Tinggi
F17	Mengisi masa lapang dengan menguasai seni bahasa (Arab, Inggeris)	.6 (4)	8.8 (63)	32.5 (232)	45.0 (321)	13.2 (94)	3.61	.844	Tinggi
F18	Mengisi masa lapang dengan seni hobi kreatif (tanam bunga, menjahit, mengait, bersukan, fesyen, pereka hiasan dalaman)	.3 (2)	5.0 (36)	23.4 (167)	52.0 (371)	19.3 (138)	3.85	.795	Tinggi
F19	Mengisi masa lapang dengan mempelajari seni merawat (luka, melecur, pertolongan cemas, kerasukan jin dalam tubuh)	.4 (3)	10.5 (75)	37.5 (270)	39.5 (282)	11.8 (84)	3.52	.849	Tinggi
F20	Budaya sosial yang versatile (serba boleh) mampu menaikkan imej dalam kalangan warga sekolah	.1 (1)	1.8 (13)	18.6 (133)	59.7 (426)	19.7 (141)	3.97	.685	Tinggi

Jadual 16 di atas menunjukkan ciri-ciri persekitaran guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan 3 item memperoleh bacaan nilai min yang sangat tinggi, manakala 13 item menunjukkan nilai pada tahap tinggi sahaja dan juga turut mewakili skala sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap item soal selidik yang dikemukakan. Namun, peratusan responden hanya pada tahap yang minimum 0.1 hingga 11.3 peratus sahaja. Manakala bagi item-item yang berada pada tahap min yang sangat tinggi ialah F2, F3, dan F4. Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan kajian ini ialah, guru Pendidikan

Islam di Selangor masih dalam usaha membudayakan profesionalisme cemerlang dengan kemahiran dalam persekitaran sosial seperti kemahiran mengurus, berkomunikasi, penulisan, merawat dan kesenian.

6.3. Dapatan: Perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti GPI berdasarkan Jantina

Jadual 17: Analisis Perbezaan antara Tahap kualiti GPI dengan Jantina

Faktor	Jantina	N	Mean	F	Sig	t	df	Sig
Kualiti GPI	Lelaki	139	4.30	.227	.634	.900	712	.369

Jadual 17 di atas menunjukkan ujian *independent sample t test*, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina GPI lelaki dan GPI perempuan daripada sudut kualiti guru $t=0.900$, $\text{sig}=0.369$, ($p>0.005$). Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa antara GPI lelaki dan GPI perempuan masing-masing mempunyai tahap kualiti yang sama.

6.3.1. Perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti GPI berdasarkan Umur

Jadual 18: Analisis Perbezaan antara Tahap kualiti GPI dengan Umur.

Faktor	Umur	N	Mean	F	df	Sig
Kualiti GPI	Kurang 25 tahun	15	4.29	6.18	3	.000
	25-35 tahun	272	4.25			
	36-45 tahun	333	4.26			
	Lebih 45 tahun	94	4.42			

Jadual 18 di atas menunjukkan ujian *one way ANOVA*, hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara umur GPI dengan tahap kualiti guru $F=(3,6.18)$, $\text{sig}=0.000$, ($p<0.005$). Nilai ($\text{min}=4.42$) adalah tertinggi bagi GPI yang berumur 45 tahun ke atas. Oleh itu, kategori umur ini lebih berkualiti berbanding dengan GPI dalam kategori umur yang lain.

6.3.2. Perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti GPI dengan Kategori Sekolah

Jadual 19: Analisis Perbezaan antara Tahap kualiti GPI dengan (Kategori Bandar Dan Luar Bandar)

Faktor	Kategori	N	Mean	F	Sig	t	df	Sig
Kualiti GPI	Bandar	393	4.30	.303	.582	1.583	712	.114
	Luar Bandar	321	4.25					

Jadual 19 di atas menunjukkan ujian *independent sample t test*, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti GPI berdasarkan lokasi sekolah di bandar dan luar bandar $t=(712,1.582)$, $\text{sig}=0.114$ ($p>0.005$). Oleh itu dapatlah dirumuskan, bahawa tahap kualiti GPI mengikut kategori di bandar ataupun di luar bandar adalah mempunyai persamaan.

6.3.2. Perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti GPI berdasarkan Pengalaman Mengajar

Jadual 20: Analisis Perbezaan antara Tahap kualiti GPI dengan Pengalaman Mengajar

Faktor	Pengalaman Mengajar	N	Mean	F	Mean Square	df	Sig
Kualiti GPI	1-10 Tahun	382	4.25	2.88	.346	2	.056
	11-20 Tahun	233	4.28				
	21-30 Tahun	99	4.35				

Jadual 4.22 di atas menunjukkan ujian *one way ANOVA*, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kualiti GPI berdasarkan pengalaman mengajar guru. $F(2,2.88)$, $\text{sig}=0.056$ ($p>.005$). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tahap kualiti GPI berdasarkan pengalaman mengajar adalah sama dalam kajian ini.

7. Perbincangan Penemuan

7.1. Mengenal pasti Tahap amalan Kualiti guru Pendidikan Islam

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap amalan kualiti guru Pendidikan Islam berada pada tahap yang sangat tinggi. Hal ini jelas membuktikan bahawa faktor kualiti telah menjadi amalan dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam di Selangor. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kesedaran diri, komitmen dan kesungguhan guru dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang guru muallim, mudarris, muaddib, mursyid dan murabbi. Terdapat lima faktor kualiti yang menjadi fokus utama dalam kajian ini iaitu:

7.1.1. Faktor Penguasaan Ilmu

Dapatan analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor penguasaan ilmu guru Pendidikan Islam di Selangor berada pada tahap sangat tinggi dalam aspek membaca al-Quran setiap hari sekurang-kurangnya dua muka surat secara konsisten dan mengamalkan ilmu komunikasi yang berkesan untuk menjalinkan hubungan baik dengan murid. Bagi aspek membaca al-Quran setiap hari sekurang-kurangnya dua muka surat secara konsisten didapati 46.9 peratus guru sangat setuju dan 42.7 peratus guru setuju dengan item tersebut. Ini bermakna guru Pendidikan Islam telah menjadikan amalan membaca al-Quran sebagai rutin harian mereka. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kefahaman mereka tentang penguasaan ilmu yang menjadi teras bagi seseorang guru Pendidikan Islam terutamanya ilmu agama.

Rumusan yang boleh diambil ialah penguasaan ilmu sangat penting dalam kamus hidup seseorang guru. Guru Pendidikan Islam bukan sahaja perlu menguasai ilmu agama, malahan ilmu-ilmu tambahan yang lain seperti ilmu teknologi semasa, agar dapat selari dengan perubahan pendidikan moden. Salah satu kaedah untuk meningkatkan penguasaan ilmu ialah dengan memperbanyakkan amalan membaca. Bahan bacaan guru juga menentukan tahap pemikiran guru. Justeru, guru hendaklah bijak memilih bahan bacaan agar peningkatan ilmu membawa manfaat kepada guru dan pelajar mereka.

7.1.2. Faktor Kaedah Pengajaran

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam di Selangor berada pada tahap sangat tinggi dalam semua aspek atau item yang dikemukakan. Hasil kajian mendapati peratus skala agak setuju yang tinggi dengan 0.0 peratus tidak setuju terhadap item yang dikemukakan ialah menggembelng kekuatan dengan rakan bersama untuk mencapai objektif pengajaran, mempunyai sifat keprihatinan dalam menyelesaikan masalah murid, berusaha mewujudkan suasana pengajaran dalam kelas yang menyeronokkan dan memberi motivasi untuk merangsang murid berfikir dalam pengajaran.

Kesimpulannya, Barth (2001) mendapati bahawa kemahiran yang kreatif dalam kaedah pengajaran adalah elemen yang penting untuk menjadi guru yang berkualiti, semakin tinggi guru mempamerkan tahap kemahiran pengajaran dan kepimpinan, maka kualiti mereka akan semakin terserlah dan menjadikan mereka seorang guru yang berkaliber. Keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami oleh murid dan kefahaman guru terhadap kebolehan murid yang diperoleh melalui pengalaman dan penguasaan ilmu sangat memberi kesan terhadap pengajaran guru.

7.1.3. Faktor Personaliti

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor personaliti guru Pendidikan Islam di Selangor berada pada tahap sangat tinggi dalam semua aspek. Dapatan mendapati sepuluh aspek menunjukkan 0.0 peratus bagi skala tidak setuju. Manakala yang lainnya menunjukkan sekurang-kurangnya 0.1 peratus tidak setuju terhadap aspek-aspek yang dikemukakan dalam kajian ini. Situasi Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam di Selangor telah menjadikan faktor personaliti ini sebagai amalan mereka sebagai salah satu keutamaan dalam profesion keguruan. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kefahaman guru menjaga kebersihan jiwa nurani daripada sifat mazmumah dan dihiasi dengan sifat mahmudah.

Kajian Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) menyimpulkan perkara yang diutarakan ini dengan menyatakan bahawa GPI perlu mempunyai personaliti positif. Ia merupakan asas kesediaan untuk menjadi seorang GPI yang profesional. Mempunyai personaliti positif terhadap pelajar termasuklah bersabar dalam menerima pelbagai masalah pelajar, sentiasa menunjukkan rasa kasih sayang dan tidak bersikap pilih kasih terhadap pelajar, mendidik dan membimbing pelajar yang kurang cerdik dengan sebaiknya, bersikap tawaduk serta menanam sifat bersahabat terhadap semua muridnya (al-Ghazali, t.t; Abdul Salam Yussof, 2010).

Kesimpulannya, guru mempunyai pengaruh dan peranan penting dalam meningkatkan komitmen murid terhadap pelajaran mereka. GPI perlu memiliki personaliti yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang sempurna untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu dan pada masa yang sama membentuk sahsiah murid. Justeru, setiap GPI perlu merasakan bahawa tujuan utama pendidikan ialah pembentukan akhlak dan rohani, bukan sekadar bermatlamatkan ganjaran yang diterima, bahkan lebih besar lagi tujuannya iaitu agar setiap murid yang didik dapat menjadikan guru sebagai jutawan akhirat.

7.1.4. Faktor Motivasi Diri

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor motivasi diri guru Pendidikan Islam di Selangor berada pada tahap sangat tinggi terhadap 12 item dan terdapat satu item yang menunjukkan tahap sangat tinggi namun didapati 0.3 peratus atau seorang guru tidak setuju dengan item yang dikemukakan dalam kajian ini. Hal Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam telah menjadikan faktor motivasi diri ini sebagai satu amalan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara profesional. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kefahaman dan kesedaran dalam diri bahawa guru yang berkualiti perlu menyiapkan diri sebagai seorang motivator yang terbaik kepada pelajar. Ini kerana motivasi yang diberikan oleh guru sangat penting dan amat diperlukan oleh murid

Dapatan ini hampir menyamai dengan kajian Latifah (2014) yang mendapati 2.9 peratus atau 10 orang guru yang kurang setuju tentang berkebolehan menjadi pakar rujuk dalam bidang masing-masing. Situasi ini menunjukkan terdapat sebilangan kecil bagi guru-guru Pendidikan Islam yang masih kurang yakin atau kurang bermotivasi untuk menjadi pakar rujuk dalam bidang mereka. Manakala, dapatan yang dikemukakan oleh Farah & Mohd Aderi (2010) pula menuntut setiap guru menjadi pakar rujuk dan agen yang paling berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana tugas guru pada masa kini bukanlah sekadar memimpin dan mendidik sahaja bahkan sebagai pakar rujuk dalam profesion keguruan.

Kajian oleh Azhar Muhammad & Nor Syakirah Samsuni (2010) juga mendapati GPI hendaklah sentiasa memberi komitmen terhadap profesion keguruan mengamalkan sifat dedikasi, bekerjasama, tanggungjawab, kejujuran, berdisiplin, bermotivasi, berinovasi, cintakan ilmu dan sisipkan nilai kasih sayang terhadap pelajarnya. Setiap guru perlu mengetahui bahawa mereka perlu mendorong muridnya supaya rajin belajar dan menjadi insan yang baik dan bersemangat. Guru yang bermotivasi ialah guru

yang mampu membina hubungan baik dengan muridnya secara sihat dan positif, bukannya melalui ugutan dan paksaan.

Kesimpulannya, GPI harus memikul peranan yang besar kerana mereka bukan sahaja menguasai ilmu malah mereka hendaklah mahir dalam mengaplikasikan kemahiran motivasi yang pelbagai untuk mendorong minat murid-murid mencipta kejayaan. Guru yang bermotivasi akan melakukan kerja secara bersemangat tanpa perlu disuruh atau diarahkan oleh pihak atasan. Oleh itu motivasi adalah sangat penting kerana ia dapat mewujudkan keperibadian yang positif dan mencipta suasana kerja yang baik dan harmoni.

7.1.4. Faktor Persekitaran Guru

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa faktor persekitaran guru Pendidikan Islam di Selangor keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati tiga item berada pada tahap sangat tinggi, manakala 13 item berikutnya berada pada tahap tinggi. Daripada jumlah tersebut tiga item menunjukkan 0.0 peratus sangat tidak setuju, manakala sepuluh bakinya menunjukkan sekurang-kurangnya 0.1 peratus guru yang sangat tidak setuju dengan item yang dikemukakan dalam kajian ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam masih berusaha menjadikan faktor persekitaran guru ini sebagai satu amalan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara profesional. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kefahaman guru yang masih sedikit tentang kepentingan mewujudkan persekitaran guru yang dinamik.

Dapatan kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa guru pendidikan Islam hendaklah mempunyai pemikiran kritis. (Zhaffar et al., 2016) Sikap kritis ialah kecenderungan atau motivasi dalaman (disposition) untuk meneliti sesuatu maklumat dan membuat keputusan menggunakan pemikiran kritis (Facione, 1990). Dalam menempuh sesuatu situasi atau masalah, individu boleh memilih sama ada untuk menyelesaikannya secara kritikal ataupun tidak. Disebabkan berfikir kritis memerlukan usaha gigih, maka kewujudan faktor sikap inilah yang mempengaruhi keberkesanan berfikir samaada mengaplikasi kemahiran tersebut atau memendamkannya (Halpern, 1998; Norris, 1985; Ruggiero, 2012; Siegel, 2010; Tishman et al., 1993)

Namun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Kamarul Azmi Jasmin & Ab. Halim, (2015). yang mendapati bahawa GPI agak kurang berminat dalam budaya profesionalisme cemerlang. Allah s.w.t telah menciptakan setiap insan mempunyai kelebihan dan kekurangan serta minat yang berbeza. Guru yang mempunyai budaya profesionalisme cemerlang mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam bidang yang mereka minati. Sememangnya kelebihan yang dimiliki ini perlu digilap sehingga mencapai tahap yang profesional supaya mereka merasa seronok dan tetap bersemangat berada dalam profesion keguruan.

Allah telah jadikan setiap manusia mempunyai kekuatan yang berbeza dan minat yang ketara. Kekuatan yang dimiliki ini sebenarnya perlu digilap sehingga mencapai satu tahap yang profesional. Dalam kajian ini persekitaran guru menjurus kepada tiga aspek yang menjadi pilihan GPI dalam membudayakan kecekapan profesional ini. Aspek tersebut ialah pengurusan fail yang bersistematik akan menjadikan segalanya mudah diuruskan. Aspek kedua pula ialah seni berkomunikasi yang amat sinonim dengan GPI terutama bagi yang biasa dengan ceramah dan tazkirah. Tetapi agak berbeza kali ini kerana melihat peluang lain seperti menjadi pengacara majlis atau memfokuskan kerja di sebalik tabir sebagai pengurus majlis pengucapan awam. Seterusnya aspek ketiga pula ialah seni menulis, seni bahasa, seni merawat, seni suara dan seni hobi. Kesemua budaya kecekapan ini mampu menjadikan seorang guru itu sangat istimewa pada pandangan warga sekolah, masyarakat pendidik, dan masyarakat setempat.

7.1. Mengenal pasti perbezaan tahap kualiti guru berdasarkan jantina, umur, kategori sekolah dan pengalaman mengajar.

Berdasarkan dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti GPI berdasarkan jantina, kategori sekolah bandar dan luar bandar serta pengalaman mengajar guru. Situasi ini menggambarkan bahawa tahap kualiti GPI adalah sama berdasarkan jantina, kategori bandar dan luar bandar serta pengalaman mengajar guru. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor latihan yang diterima oleh semua guru di peringkat institusi pengajian mereka sebelum dilantik menjadi guru.

Dapatan ini menyokong dapatan kajian Ab. Halim Tamuri et al. (2004), yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran dengan jantina dan kategori sekolah bandar dan sekolah luar bandar dalam pengajaran Pendidikan Islam. Begitu juga, dapatan kajian Misnan Jemali (2008) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan lokasi sekolah dengan amalan pengajaran guru dalam pengajaran al-Quran.

Kajian Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri (2015) juga mendapati lokasi sekolah tidak memberi kesan kepada perbezaan kualiti guru Pendidikan Islam. Kualiti seseorang GPI itu lebih banyak dipengaruhi oleh faktor personal berbanding dengan faktor persekitaran. Justeru, aspek dalaman GPI perlu dipertingkatkan agar kualiti GPI sentiasa berada pada tahap yang cemerlang. Namun, bagi faktor demografi jantina, dapatan yang sama menunjukkan terdapat perbezaan kualiti GPI berdasarkan jantina, kerana mereka mempunyai kelebihan yang boleh digilap dan pada masa yang sama mempunyai kekurangan yang boleh diperbaiki.

Hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kualiti guru Pendidikan Islam dengan umur. Dapatan menunjukkan guru-guru yang berumur 45 tahun ke atas mempunyai perbezaan tahap kualitinya berbanding dengan GPI dalam kategori umur yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang berumur 45 tahun ke atas lebih baik tahap amalan kualitinya berbanding dengan guru-guru kategori umur yang lain. Perkara ini mungkin disebabkan oleh pengalaman guru yang telah lama berkhidmat dalam bidang ini.

Dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Alias Musa, (2017) menunjukkan perbezaan umur memberikan kesan terhadap pelaksanaan pembangunan profesionalisme guru di sekolah. Oleh itu, umur memainkan peranan dalam pengajaran dan pembelajaran guru. Kelazimannya semakin lama seseorang berkhidmat semakin bertambah pengalaman dan kemahiran. Namun, dengan peningkatan umur dan pengalaman sahaja tidak mampu meningkatkan kualiti guru, kualiti guru perlu dipertingkatkan dengan ilmu, amalan dan usaha berterusan sepanjang masa dengan pelbagai cara.

Dapatan kajian ini hampir menyamai dengan hasil kajian Najiah Mohd Kholid, (2015) menunjukkan peratus guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 11-20 tahun adalah merupakan kelompok yang lebih tinggi tahap amalan membaca mereka berbanding guru yang kurang pengalaman mengajar. Kajian telah dijalankan untuk mengetahui sejauh mana hubungan antara amalan membaca dengan pengalaman mengajar dalam kalangan guru.

8. Rumusan

Guru memainkan peranan utama dalam membentuk modal insan yang berkualiti. Guru menyemai benih (ilmu) dalam jiwa murid. Guru yang berkualiti mampu membina peribadi dan menjadikan profesion keguruan berada pada tahap yang tinggi. Guru berkualiti mempunyai perspektif yang sama sebagai guru cemerlang, guru berkesan, guru unggul, guru efektif dan guru profesional. Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pendidikan Guru telah banyak membuat reformasi pendidikan dengan harapan profesion keguruan akan sentiasa berada di mercu kecemerlangan.

Guru ialah insan yang mengajar manusia, penunjuk ajar dan kunci bagi ilmu. Tanpa kunci ilmu tentu gedung ilmu pengetahuan tidak akan terbuka. Gurulah yang menyumbang ke arah pembentukan modal insan cemerlang. Guru mengajar manusia daripada buta huruf menjadi celik, celik hati dan celik

mata hingga menjadi cendekiawan terbilang. Guru juga insan yang mengajar manusia mengenal dirinya sebagai manusia dan mengenal Allah sebagai penciptanya.

Dapatan ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang lebih bermakna serta garis panduan kepada guru Pendidikan Islam kerana ia memberi implikasi kepada dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor terhadap standard pengajaran guru Pendidikan Islam. Di samping itu, cadangan kajian lanjutan dikemukakan agar di masa akan datang terdapat pengkaji-pengkaji lain dapat membuat penerokaan seterusnya untuk melengkapkan maklumat-maklumat yang sedia ada. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sandaran dan rujukan kepada mereka yang komited sebagai pengkaji bagi pemantapan pengajaran guru.

9. Rujukan

- Ab. Halim Tamuri (2005). *Hala Tuju Dan Cabaran Pendidikan Islam Dalam Era Globalisasi*. Kertas Kerja Seminar Pendidikan Dan Penghayatan Islam 1 Mac 2005 di Jabatan TITAS University Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: UKM.
- Abdullah, M. K., & Laji, H. (2016). Kepimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 48-58.
- Abd Khalil, A. (2017). Reka bentuk model program perkembangan profesionalisme guru Malaysia/Abd Khalil bin Adnan (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Al-Abrasyi, Mohd. Atiyyah. (1974). *Dasar-dasar pokok pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang. Jakarta, Indonesia.
- Al-Nahlawy, Abd. Rahman. (1983). *Usul al- tarbiyyah al-islamiyyah wa asalibiha fi al-bait wa al-madrasah wa al-mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikri, Beirut, Lubnan.
- Asnuurien Najma Ahmad, A. N. M. (2013). *Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid*. In Regional Conference on School and Teacher Competence Duties & Character.
- Barber, M., & Mourshed, M. (2007). *How the world's best-performing school system come out on top*. McKensey & Company, London.
- Gay, L.R. (1992). *Educational research competencies for analysis and application*. (4th ed.). Maxwell Macmillan International Edition, New York: Maxwell Macmillan Publishing Company.
- Hussin, G. D. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Habibah @ Hartini Ramlie, & Zaharah Hussin. (2014). Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhyyah: satu analisa keperluan. *The Online Journal of Islamic Education January*, 2(1), 7–24. Retrieved from http://ojie.um.edu.my/filebank/published_article/6053/Article_2_V2_I1_Jan2014.pdf
- Halstead, J. M. (2007). Islamic values: A distinctive framework for moral education?, *Journal of Moral Education*, 36(3), 283-296.

- Hanushek, E. A. (2011). Valuing Teacher: How much is a good teacher worth? *Education Next*, 11(3), 40-45.
- Jaafar @ Mustapha, M. M., Tamuri, A. H., & Ya, R. (2012). *Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012].
- Jaafar, N, & Rashed, Z. N. (2015). *Model Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 1(1), 101–108.
- Jasmi K. A. & Tamuri A. H. (2015). *Membudayakan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam yang Cemerlang*. *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman*. Bangi, Selangor: Persatuan Intelek Muslim Malaysia, p. 1-20.
- Jasmi, K. A. (2013). *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam* (Active Learning in Islamic Education: Practicing Excellent Teacher of Islamic Education).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2009). *Sifat dan keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar*. *Jurnal Teknologi* 51 (E): 57-71.
- Kamarul Azmi, J. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru. *Seminar Pendidikan Islam*, 1–15. Retrieved from <http://eprints.utm.my/41072/2/>
- Latifah Mohd Razali (2014). *Kualiti Guru Pendidikan Islam Di Negeri Pahang*: Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Mohd. Khamdani Sairi. (2010). *Pendekatan penerapan nilai murni perkhidmatan awam oleh pengetua dalam pengurusan sekolah*. (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Mohd. Khairuddin Abdullah, Halimah Laji. (2014). Kepimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4.
- Mohd. Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. (2nd Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shafie Apdal (2013); *Perutusan Sambutan Hari Pendidik 2013*. Majlis Amanah Rakyat MARA, Kuala Lumpur.
- Muhyiddin Yassin (2013). *Ucapan Penggulangan: Perhimpunan Agung UMNO 2013*. Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
- Najiah, & Kholid, M. (2015). *Amalan membaca dalam kalangan guru Pendidikan Islam*.
- Najib Abdul Razak. (2010). “Ucapan Bajet Tahun 2011”. Retrieved from <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub11.pdf> [dilayari di Langkawi, Malaysia: 10hb April 2014].
- Noor Erma Binti Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2 (1).

- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2015). Perbezaan Kualiti Guru Pendidikan Islam sekolah Menengah Kebangsaan Berdasarkan Jantina, Lokasi Sekolah dan Ke kerap an Menyertai Latihan dalam Perkhidmatan, *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1–13.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill. (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norashikin, A. B., Ramli, B., & Foo, S. F. (2015). *Hubungan Kepimpinan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar*, 1(2), 1–11. Retrieved from htAS://www.injet.upm.edu.my/images/journal/issue2/
- Nordin, T.A., Dan, N. (2001). *Pendidikan dan pembangunan manusia pendekatan bersepadu*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Norhaiza Tahir, N. B. (2015). *Hubungan Personaliti Guru Terhadap Kemahiran Proses Sains Pelajar*.
- Norusis, M. J. (2000). *SPSS 20.0 Guide to data analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory (2nd Ed.)*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM), *Jurnal Teknologi*, 60, 31-37.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh dan Ab. Halim Tamuri (2013). Elemen Mengenal Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam, *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2).
- Osman Bakar. 1998. *Agama Dan Budaya Teras Masyarakat Madani. Dlm. Minds (pnyt.). Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*. Kuala Lumpur: MINDS, p. 53 – 63.
- Rafizah Mohamed Salleh (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. (Master Dissertation, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya).
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61-69.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistic for behavioral sciences*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Rosnah Ali (2012). *Kualiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan al-Ghazali*: (Master Dissertation, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya).
- Rosni Adom.2010. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Salim, N. S. (2013). *Amalan pembacaan berkesan dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Som, H. M., & Daud, M. A. K. M. (2008). Globalisasi dan Cabaran Pendidikan di Malaysia [Globalization Educational Challenges in Malaysia]. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 91-101.
- Tusin, M. K. (2010). *Kualiti diri guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Sabah*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sabah).
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2004). *Principals' sense of efficacy: Assessing a promising construct*. *Journal of Educational Administration*, 42(5), 573-585.